

3 FEB 1996

Mahathir - Perhimpunan

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DITETAPKAN 9 OKT HINGGA 12 OKT

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Perhimpunan agung Umno tahun ini ditetapkan dari 9 Okt hingga 12 Okt, Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Mesyuarat agung Pergerakan Pemuda dan Wanita akan diadakan pada 9 Okt manakala perhimpunan agung pada 10 hingga 12 Okt, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di Ibu pejabat Umno di sini.

Beliau berkata mesyuarat pra-majlis akan diadakan pada 8 Okt.

Perhimpunan agung kali ini akan menyaksikan pertandingan bagi jawatan tiga naib presiden dan anggota Majlis Tertinggi.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Zin Abdul Ghani dan Menteri Besar Perlis Datuk Shahidan Kassim akan dijemput untuk menghadiri setiap mesyuarat Majlis Tertinggi.

Mohamed Zin sebelum ini menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi menggantikan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang melepaskan semua jawatan dalam parti itu.

Bagaimanapun, setelah Rahim kembali menerajui Pergerakan Pemuda, Zin akan menghadiri mesyuarat itu atas jemputan Majlis Tertinggi, katanya.

Rahim turut hadir pada mesyuarat hari ini.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Nazri Tan Sri Aziz pula yang dilantik menjadi anggota Majlis Tertinggi akan terus menganggotai majlis itu.

Dr Mahathir juga mengumumkan tindakan Majlis Tertinggi memecat bekas Ketua Pemuda Umno bahagian Seremban Dr Haji Murad Ahmad kerana membawa kes pemilihan jawatan Ketua Pemuda bahagian itu ke mahkamah Januari lalu setelah tewas dalam pemilihan itu tahun lepas. -- BERNAMA